



CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2017



KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA



**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN,
ANUGERAH PERKHIDMATAN KEMERLANG (APC)
& SANJUNGAN BUDI**



Lawatan Rasmi YB TUAN TAN HONG PIN ke MJB



m/s

KANDUNGAN

- 3 – UCAP TAHNIAH AHLI-AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI JOHOR
- 4 – KURSUS ARBORIKULTUR LANDSKAP
- 5 – PERTANDINGAN LANDSKAP ZON AHLI MAJLIS
- 6 – *JB WAKE UP! CAR FREE DAY*
- 7 – MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2017
- 8 – DIARI LAWATAN
- 9 – KILAS LENSEA
- 10 & 11 – LAWATAN RASMI YB TUAN TAN HONG PIN KE MBBJ
- 12 – SEKITAR AKTIVITI BULAN RAMADHAN 1439H/2018
- 13 – MAJLIS BERBUKA PUASA & PENYAMPAIAN SUMBANGAN AIDILFITRI 1439H/2018
- 14 – FOKUS LENSEA
- 15 – KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA & OPS BERSEPADU SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI
- 16 & 17 – PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA 21
- 18 & 19 – MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, APC & SANJUNGAN BUDI
- 20 & 21 – MBBJ SANA SINI
- 22 – KEJOHANAN CATUR REMAJA

SIDANG PENGARANG BULETIN**PENAUNG**

Haji Amran bin A. Rahman
Datuk Bandar

PENASIHAT

Ir. Hajah Nazatul Shima binti
Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Fadzlina binti Abdul Malek

SIDANG PENGARANG

Hidayah binti Yusof
Nurul Shafina binti Shaari
Mohamad Rashid bin Selamat
Norasmah binti Mohd Adros

JURU FOTO

Bahri bin Abdullah
Romzi bin Yusof

URUS SETIA

Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru

LENSEA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru empat (4) kali setahun dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ (AM)

PEJABAT DATUK BANDAR		Unit Dasar, Inovasi & Latihan	07-219 8171/ 2198114	Pejabat Am	07-228 2597
Pejabat Am	07-228 2600	Unit Mesyuarat	07-228 2610	Bahagian Pengangkutan Bandar	07-227 7235
PEJABAT SETIAUSAHA		JABATAN KEWANGAN		Bahagian Kejuruteraan Awam	07-219 8131
Pejabat Am	07-228 2625	Pejabat Pengarah Kewangan	07-219 8091	Bengkel Kejuruteraan Awam (Taman Mount Austin) / UTC	07-351 1503
TIMBALAN SETIAUSAHA		Bahagian Hasil	07-219 8050	Unit Mekanikal & Elektrikal (Taman Mount Austin)	07-351 3262
Pejabat Am	07-219 8105	Bahagian Perbelanjaan	07-219 8093	Bahagian Saliran & Pengurusan Sungai	07-219 8125
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM		Unit Letak Kereta	07-219 8077	JABATAN KESIHATAN	
Pejabat Pengarah Korporat & Perhubungan Awam	07-219 8060	JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA		Pejabat Pengarah Kesihatan	07-228 2619
Unit Perhubungan Awam (Aduan)	07-219 8061	Pejabat Pengarah Penilaian	07-219 8223	Bahagian Kesihatan Awam	07-228 2564
Unit Korporat & Penerbitan	07-219 8052	Bahagian Penilaian	07-227 1055	Klinik Bandaraya (JOTIC)	07-228 2630
Unit Penswastaaan & Pelaburan	07-228 2627	Bahagian Pengurusan Harta	07-223 8469	Bahagian Kesihatan Alam Sekitar	07-228 2605
BAHAGIAN AUDIT DALAM		Bahagian Tunggakan Cukai Harta & Caj Pemajuan	07-222 9962	JABATAN PELESENAN	
Pejabat Am	07-219 8311	JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN		Pejabat Pengarah Pelesenan	07-228 2563
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)		Pejabat Pengarah Perancangan	07-227 1029	Bahagian Pelesenan	07-228 2501
Pejabat Am	07-223 8531	Bahagian Kawalan Perancangan	07-219 8218	Bahagian Penjaja	07-227 7576
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG		Bahagian Rancangan Pemajuan	07-219 8245	Unit Iklan	07-228 2562
Pejabat Penasihat Undang-Undang	07-219 8302	JABATAN BANGUNAN		JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN	
Pejabat Am	07-219 8305	Bahagian Kawalan Bangunan	07-228 2511	Pejabat Pengarah Kemasyarakatan	07-223 1026
Pejabat Am (Mahkamah Bandaraya Johor Bahru)	07-228 2643	Bahagian Penguatkuasaan Bangunan	07-219 8237	Bahagian Sukan & Pelancongan	07-224 6708
UNIT HENTIAN SETEMPAT (OSC)		Bahagian Projek Bangunan	07-219 8145	Bahagian Sosial & Kebudayaan	07-224 4139
Pejabat Am	07-222 4923	JABATAN LANDSKAP		Perpustakaan Sultan Ismail	07-239 1791
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN		Pejabat Ketua Pen. Pengarah Landskap	07-228 2635	BAHAGIAN Penguatkuasaan	
Pejabat Pengarah Khidmat Pengurusan	07-219 8371	Bahagian Taman Awam	07-228 2636	Pejabat Am	07-219 8229
Bahagian Pentadbiran	07-219 8359	Bahagian Arborikultur	07-217 4575	Direktorat Penguatkuasa (Segget)	07-226 1025
Bahagian Teknologi Maklumat	07-219 8069	Bahagian Hortikultur	07-216 7964	BAHAGIAN INTEGRITI	
Bahagian Sumber Manusia	07-219 8183	JABATAN KEJURUTERAAN		Pejabat Am	07-219 8117
Bahagian Ukur Bahan & Kontrak	07-219 8097	Pejabat Pengarah Kejuruteraan	07-228 2596		

Sekalung Tahñiah

Ucapan sekalung tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Haji Osman bin Sopian, Menteri Besar Johor serta barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor atas pelantikan sebagai kepimpinan yang baharu bagi Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim selepas kemenangan undi besar yang diperolehi kerajaan Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum ke-14 pada 9 Mei 2018. Semoga pelantikan YAB Menteri Besar Johor dan barisan EXCO yang baharu ini akan menjadikan negeri Johor sebagai sebuah negeri yang lebih maju serta berprestasi tinggi di samping pembentukan sebuah bangsa Johor yang bestari.



YAB DATO' HAJI OSMAN BIN SAPIAN

MENTERI BESAR JOHOR

Pengerusi Jawatankuasa Hasil Bumi, Pentadbiran Kewangan, Perancangan Dan Pembangunan Ekonomi Negeri Johor



**YB TUAN HAJI AMINOLHUDA
BIN HAJI HASSAN**

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Dan Pendidikan Negeri Johor



**YB TUAN SR. DZULKEFLY
BIN AHMAD**

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Johor



YB TUAN TAN HONG PIN
Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains Dan Teknologi Negeri Johor



**YB TUAN DR. RAMAKRISHNAN
A/L SUPPIAH**

Pengerusi Jawatankuasa Kepenggunaan, Sumber Manusia Dan Perpaduan Negeri Johor



**YB TUAN HAJI MAZLAN
BIN BUJANG**

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur Dan Pengangkutan Negeri Johor



YB TUAN JIMMY PUAH WEE TSE

Pengerusi Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan Dan Utiliti Negeri Johor



YB CIK LIOW CAI TUNG

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita Dan Pelancongan Negeri Johor



**YB TUAN MOHD. KHUZZAN
BIN ABU BAKAR**

Pengerusi Jawatankuasa Belia, Sukan Dan Kebudayaan Negeri Johor



**YB TUAN DR. SAHRUDDIN
BIN JAMAL**

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar Dan Pertanian Negeri Johor



**YB TUAN SHEIKH 'UMAR BAGHARIB
BIN ALI**

Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pembangunan Keusahawanan, Koperasi Dan Ekonomi Kreatif Negeri Johor



KURSUS AMALAN TERBAIK ARBORIKULTUR

Sebar ilmu berkaitan penyelenggaraan pokok Ameniti secara teori dan latihan praktikal

Teks Oleh: LAr. CA. Ezeti Fazriah bt Kamarul Azman

Pokok merupakan antara ciri dalam memberikan karakter bagi sesebuah perbandaran, penjagaan dengan teknik penyelenggaraan yang betul dan mampu menjaga 'aset' ini bagi terus hidup dalam tempoh lebih lama untuk terus memberikan udara segar dan persekitaran berkualiti kepada manusia.

Oleh itu, MBBJ mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Amalan Terbaik Arborikultur yang telah berlangsung pada 17 & 18 April 2018 bertempat di Rumah Johor, Hutan Bandar Johor Bahru. Kursus yang telah dihadiri seramai 180 peserta ini terdiri daripada peserta luar dan staf teknikal Jabatan Landskap. Kursus yang diadakan sebanyak dua kali setahun kali ini diadakan di kawasan yang penuh kedamaian hijau dengan bayaran minima sebanyak RM 500.

Melalui penyertaan ini, peserta kursus didedahkan dengan ilmu berkaitan penyelenggaraan pokok Ameniti secara teori dan latihan praktikal amali bimbingan Perunding Arbor



bertauliah dari syarikat Lotus Design Sdn Bhd, dalam memberi ilmu dan panduan Amalan Terbaik Arborikultur sekali gus mengurangkan bahaya dari peringkat awal melalui teknik yang betul dan kerja penyelenggaraan pokok secara berkala dan sistematik. Di samping itu, para peserta juga didedahkan dengan kaedah cantasan, kaedah penebangan, kaedah pengalihan pokok serta penerangan tentang keselamatan kerja dan penggunaan personal protective equipment (PPE).

Peserta turut diberikan sijil penyertaan yang melayakkan mereka (kontraktor) untuk membeli tender atau sebut harga berkaitan penyelenggaraan cantasan dan penebangan pokok pada masa akan datang. Bagi tahun 2018, sejumlah RM 15 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja melibatkan penyelenggaraan pokok.



MBJB Anjur

PERTANDINGAN LANDSKAP ZON AHLI MAJLIS 2017/2018

Teks Oleh: LAr. CA. Ezeti Fazriah bt Kamarul Azman

Sebuah penganjuran Pertandingan Landskap Zon Ahli Majlis MBBJ telah diadakan sepanjang tahun 2017 lalu di keseluruhan kawasan pentadbiran MBBJ. Program pembudayaan landskap kepada penduduk bandar raya ini merupakan inisiatif dan galakan secara langsung kepada masyarakat supaya bersama-sama mengindahkan persekitaran bandar raya Johor Bahru.

Pertandingan ini terbuka kepada semua individu dan pemilik premis, dari kategori yang dipertandingkan di seluruh Zon Ahli Majlis, dalam kawasan pentadbiran MBBJ. Kriteria susun atur dan reka bentuk landskap dinilai di kawasan halaman atau laluan masuk ke kawasan kediaman.

Penyertaan yang dibuka dari Mei 2017 sehingga Januari 2018 ini dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Landskap dan telah mempertandingkan 10 kategori iaitu Kategori Perumahan, Banglo, Teres/ Berbandung dan Kampung, Kategori Sekolah/ Kebun Fertigasi, Kategori Masjid Surau, Kategori Hotel (3 bintang ke atas dan hotel butik), Kategori Restoran dan Kategori Pejabat.

Hadiah keseluruhan berjumlah RM 60,000 diperuntukkan untuk dibawa pulang oleh pemenang yang bertuah. Keputusan pemenang telah dicapai pada Mac 2018 lalu bagi pemilihan 30 pemenang dalam menentukan tempat Johan (RM 3000), Naib Johan (RM 2000) dan Ketiga (RM 1000). Di samping hadiah wang tunai, pemenang juga dihadiahkan sebuah 'Plak Dinding' sebagai tanda kenangan menyertai pertandingan tersebut.

Penghasilan persekitaran yang hebat dapat menyumbang kepada kehidupan yang kondusif dan lestari kepada penghuninya. Justeru, pertandingan ini dianjurkan bagi memupuk minat semua penduduk agar menghargai kehijauan dan cinta akan alam sekitar yang menjadi elemen penting terhadap keseimbangan alam, di samping bersama-sama menjadikan Johor Bahru sebagai sebuah 'Bandar Dalam Taman' menjelang 2020.

KATEGORI	KEDUDUKAN	PEMENANG
1. KATEGORI PERUMAHAN		
a. Sesebuah	Pertama	Sa'adon bin Mohd Yusof
	Kedua	Datin Hajah Misbah
	Ketiga	Amim bin Sarnon
b. Berbandung/ Teres	Pertama	Lai Tiew Chong
	Kedua	Alan Tan Boon Keat
	Ketiga	Sharifah Rogayah bin Syed Abdullah
c. Kampung	Pertama	Embok Daik bin Ropak
	Kedua	Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Osman
	Ketiga	A.Hamid bin Rebot
2. KATEGORI SEKOLAH/ KOLEJ		
a. Sekolah Menengah	Pertama	Sekolah Menengah Bandar Baru Uda
	Kedua	Sekolah Menengah Tun Fatimah
	Ketiga	Institut Kemahiran Malaysia
b. Sekolah/ Kolej Kebun Khas (Fertigasi)	Pertama	Kolej Vokasional Perdagangan
	Kedua	Sekolah Menengah Tun Fatimah
	Ketiga	Sekolah Engku Tun Aminah
3. KATEGORI MASJID/ SURAU		
Masjid	Pertama	Masjid Bulatan, Kg Melayu
	Kedua	Masjid Bandar Permas Jaya, Permas Jaya
	Ketiga	Masjid An-Nur, Larkin Perdana
4. KATEGORI HOTEL		
a. Hotel > 3 bintang (Hotel Mewah)	Pertama	Hotel Renaissance Jalan Permas Jaya 1
	Kedua	Hotel Lace Boutique Jalan Tebrau Lama
	Ketiga	Hotel Sri Malaysia Jalan Garuda, Larkin
b. Hotel < 3 bintang (Hotel Bajet)	Pertama	Hotel Palm Tree, Bandar Baru Permas Jaya
	Kedua	Hotel KOHO, Bangunan KK Kam, Jalan Kemunting, Kebun Teh
	Ketiga	Hotel Jazz, Bandar Baru Permas Jaya
5. RESTORAN/ DEWAN MAKAN		
Restoran	Pertama	Sedap Corner Sdn Bhd Jalan Abdul Samad
	Kedua	McDonalds Nong Chik Jalan Kolam Ayer
	Ketiga	The Cave Grill & Cafe Jalan Kolam Ayer
6. PEJABAT SWASTA / KERAJAAN		
Pejabat Swasta	Pertama	Front Concept Sdn. Bhd (Senibong Cove Club House) No 1, Blok N, Pinggiran Senibong, Persiaran, Teluk Senibong
	Kedua	Dynasty View Sdn. Bhd. (Seri Austin Gallery) Jalan Seri Austin 1, Taman Seri Austin
	Ketiga	Kean Leng Sdn. Bhd No 29J, Jalan Persiaran Abu Bakar. Straits View



JB WAKE UP! CAR FREE DAY



7 APRIL 2018 – Program *JB Wake Up! Car Free Day* kali ini istimewa kerana berkolaborasi bersama Pertubuhan Aman Wanita Antarabangsa bagi Karnival Aman Negeri Johor 2018 dan Jabatan Pendidikan Negeri Johor bagi Pelancaran Massa: Terima Kasih Cikgu! Peringkat Negeri Johor Bersempena Sambutan Hari Guru Tahun 2018.

Pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan bagi menyemarakkan majlis pelancaran dan karnival tersebut antaranya pelepasan belon simbolik keamanan, *24 season drums* (SMK Dato Jaafar), *a song of peace* (children's choir), zumba, liga kampung (permainan tradisional), *fun shooting: archery*, *stomp band* (SK Nong Chik) dan *cheerleader* (SMK Sultan Ismail).



Pihak MBBJ amat komited dalam menyokong inisiatif Kerajaan Negeri menjadikan Bandar Raya Johor Bahru sebagai bandar raya rendah karbon dan berdaya huni (*liveable city*) dan mempunyai persekitaran yang kondusif untuk didiami, di samping mempromosikan amalan gaya hidup unggul (*best practices*) dalam kalangan masyarakat.





MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH *CABUTAN BERTUAH CUKAI HARTA 2017*

Teks Oleh: Siti Marina binti Abdullah

2 MEI 2018 – Program cabutan bertuah cukai harta Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mencapai kali kelima penganjurannya sejak tahun 2013. Bagi cabutan bertuah cukai harta 2017 yang telah dilakukan pada 3 Januari 2018, sebanyak 88 hadiah ditawarkan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM200,000.00.

Pemenang dipilih kerana telah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan di samping memenuhi kriteria individu/pemilik yang telah menjelaskan kesemua cukai dan tunggakan sebelum atau pada 31 Ogos 2017 sekali gus melayakkan mereka dipilih sebagai pemenang cabutan bertuah cukai harta pada kali ini.

Penganjuran program ini merupakan sebahagian daripada usaha 'Program Kesedaran Cukai Harta' bagi menggalakkan pembayar cukai untuk membayar cukai harta, di samping mempertingkatkan hasil kutipan cukai harta dan menurunkan jumlah tunggakan cukai harta MBJB.



Hadiah kepada pembayar cukai harta yang membuat bayaran secara atas talian (online) juga diwujudkan sebagai insentif dan galakan kepada pembayar cukai harta untuk membuat bayaran cukai harta tanpa perlu berurusan di kaunter bayaran MBJB di samping memanfaatkan penggunaan sistem teknologi yang ada bagi tujuan tersebut. Hal ini juga mengurangkan kebergantungan mereka terhadap khidmat petugas di kaunter bayaran cukai harta MBJB.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang bertuah telah disampaikan oleh Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru iaitu penyerahan hadiah kepada pemenang utama hingga pemenang ke-10 berupa sebuah kereta Proton Persona dan 9 buah motosikal Yamaha Y15ZR.





Lawatan dari Jabatan Perancang Bandar & Desa Pulau Pinang ke Rumah Johor, Hutan Bandar



Lawatan Penandaarasan Majlis Bandaraya Johor Bahru ke Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG)



Objektif : Meningkatkan pengetahuan barisan pengurusan MBBJ mengenai sistem tadbir urus korporat dan promosi yang diamalkan oleh pihak MPPG serta mempelajari aspek pembikinan video korporat, montaj, promosi dan hebahan maklumat tentang aktiviti komuniti yang dijalankan di MPPG.
Jumlah Peserta : 20 orang



Objektif : Mendapatkan pendedahan dan pengalaman berkenaan pengurusan projek berkaitan landskap yang dilaksanakan di MBBJ.
Jumlah peserta: 40 orang

Diari Lawatan



Lawatan dari Jabatan Senibina Landskap, Universiti Teknologi Malaysia (UTM)



Lawatan daripada Penuntut Fakulti Bahasa dan Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)



Objektif : Mempelajari aspek penyelenggaraan landskap dan tapak semeaian yang dilaksanakan oleh pihak MBBJ.
Jumlah peserta: 23 orang



Objektif : Mengetahui fungsi dan peranan MBBJ dalam mengurus dan mempromosi sektor pelancongan dalam kawasan pentadbiran MBBJ, di samping pengetahuan mengenai pelaksanaan dasar, amalan dan pendekatan dalam aspek yang berkaitan pembangunan dan pengurusan sektor pelancongan.
Jumlah peserta: 41 orang



Lawatan dari Penuntut Diploma Pengurusan Perhotelan (Malaysian College of Hospitality & Management)

Objektif : Mengetahui fungsi dan peranan MBBJ dalam menguruskan dan mengeluarkan lesen premis dan penjaja dalam kawasan pentadbiran MBBJ, di samping memberi pendedahan kepada pelajar mengenai cara dan garis panduan memohon lesen perniagaan sebelum memulakan sesuatu perniagaan.
Jumlah peserta: 10 orang





PROGRAM MASAK DAN AGIH BUBUR LAMBUK

Tarikh:
4 Jun 2018



Sempena bulan Ramadan Al-Mubarak tahun ini, MBBJ tidak ketinggalan untuk mengadakan program memasak dan mengagih bubur lambuk kepada semua anggota MBBJ dan juga kepada orang awam yang berurusan di MBBJ. Program memasak bubur lambuk yang bermula seawal jam 8.00 pagi itu turut dihadiri oleh Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad, Timbalan Setiausaha MBBJ, ketua-ketua jabatan dan ramai lagi. Selesai sesi memasak bubur lambuk, edaran bungkusan bubur lambuk pula dilakukan oleh anggota Jabatan Khidmat Pengurusan kepada semua jabatan dan bahagian MBBJ.

Puspanita MBBJ dengan segala usaha telah mengumpul dan mendapatkan dana dan sumbangan dari Yayasan Bandaraya Johor Bahru dan juga kutipan derma daripada ahli-ahli Puspanita MBBJ serta anggota MBBJ bagi membantu ahli Puspanita dan anggota MBBJ serta warga kota yang kurang bernasib baik. Hasil kutipan berkenaan, sejumlah RM 6,300.00 berjaya dikumpul dan telah diberikan kepada mereka yang memerlukan dalam bentuk wang tunai dan barangan keperluan harian. Seramai 15 ahli Puspanita dan anggota MBBJ yang kurang bernasib baik telah disenaraikan sebagai penerima sumbangan yang dikategorikan sebagai penghidap penyakit kronik. Sumbangan tersebut disampaikan oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.



PROGRAM PENYAMPAIAN SUMBANGAN RAMADAN PUSPANITA MBBJ

Tarikh:
7 Jun 2018



PROGRAM PENYERAHAN SUMBANGAN KEPADA PETUGAS MBBJ YANG BERTUGAS PADA 1 SYAWAL, HARI RAYA AIDILFITRI

Bagi menghargai anggota MBBJ yang bertugas pada hari raya pertama Aidilfitri tahun ini, sebuah sesi khas diadakan antara pihak pengurusan tertinggi MBBJ bersama barisan petugas ini di samping pemberian sumbangan sebagai tanda penghargaan atas khidmat yang sedia diberikan untuk terus menjaga imej positif MBBJ.



Tarikh:
11 Jun 2018





LAWATAN RASMI

YB TUAN TAN HONG PIN KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MBJB Sambut Baik Kunjungan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains & Teknologi Negeri Johor dan ADUN Johor Yang Baharu

3 JUN 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berbesar hati menerima kunjungan daripada YB Tuan Tan Hong Pin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Sains dan Teknologi Negeri Johor ke MBJB bersama YB Cik Liow Cai Tung, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Pelancongan Negeri Johor dan YB Tuan Haji Mazlan bin Bujang, Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur dan Pengangkutan Negeri Johor.

Turut mengiringi kunjungan tersebut ialah Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan iaitu YB Cheo Yee How - ADUN Perling, YB Chan Kah Eng - ADUN Stulang, YB Datuk Che Zakaria bin Mohd Salleh- ADUN Permas, YB Mohd Izhar bin Ahmad - ADUN Larkin dan YB R Gopalakrishnan - ADUN Tiram.

Lawatan rasmi daripada Exco dan ADUN tersebut adalah yang pertama ke MBJB dan bertujuan mendengar sesi taklimat organisasi dan pentadbiran MBJB yang disampaikan oleh Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru. Kunjungan tersebut juga memberi ruang untuk aktiviti suai kenal antara pegawai pengurusan tertinggi MBJB dengan Exco & ADUN baharu negeri Johor.







Program Tadabbur Surah Al-Mulk oleh Al-Fadhil Ustaz Mohd Khairul Fahmi bin Muhamad Anuar

20 Mei 2018 -
3 & 10 Jun 2018



Program Tadarus Al-Quran & Solat Zohor Berjemaah

20 Mei -
10 Jun 2018



Program Ceramah Khas Ramadan Bersama Al-Fadhil Ustaz Ahmad Dusuki Abd Rani

27 Mei 2018



Sembang Dhuha Muslimat bersama Al-Fadhilah Ustazah Fatimah Syarha Mohd Noordin

5 Jun 2018



Program Khatam Al-Quran & Ceramah Badar Kubra oleh Al-Fadhil Ustaz Prof. Madya Dr. Haji Ismail Mustari

7 Jun 2018





MAJLIS BERBUKA PUASA & PENYAMPAIAN SUMBANGAN AIDILFITRI 1439H/2018



Majlis Berbuka Puasa dan Penyampaian Sumbangan Aidilfitri di Masjid Al-Mizan, Kempas

31 MEI 2018 – Program bermula seawal jam 5.00 petang dengan sesi pendaftaran dan ketibaan jemputan, sebelum sesi ucapan oleh Ir. Hj. Sulaiman bin Mohd Taib, Pengarah Kejuruteraan MBBJ merangkap wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru. Sesi penyampaian sumbangan kemudiannya diberikan kepada penerima yang dipilih oleh Yayasan Bandaraya Johor Bahru, sementara menanti waktu berbuka puasa. Sesi solat fardu Maghrib, Isyak dan Tarawih berjemaah turut dilakukan.



Majlis Berbuka Puasa Bersama Datuk Bandar di Surau An Nur, Stulang Laut (Surau Angkat MBBJ)

3 JUN 2018 – Program bermula jam 6.00 petang dengan ucapan Tn. Hj. Sidek bin Paiman, Setiausaha MBBJ merangkap wakil rasmi Datuk Bandar Johor Bahru. Penyampaian sumbangan berupa wang tunai dan kuih raya kemudiannya diberikan kepada penerima yang dipilih oleh Yayasan Bandaraya Johor Bahru. Sesi tazkirah juga disampaikan oleh Ustaz Aiman bin Ahmad, Pegawai Hal Ehwal Islam MBBJ sementara menanti waktu berbuka puasa. Sesi solat fardu Maghrib berjemaah, Isyak dan Tarawih turut dilakukan. Majlis diserikan lagi dengan kehadiran Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru, ketua jabatan dan bahagian MBBJ serta jemaah Surau An-Nur, Stulang Laut, Johor Bahru.



Sempena Ramadan Al-Mubarak 1439H, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan program agihan bubur lambuk dan dodol secara pandu lalu atau 'drive-thru' kepada warga Bandar Raya Johor Bahru. Lokasi pandu lalu (drive-thru) ini berdekatan persimpangan jalan raya ke laluan menghala Dataran Bandaraya Johor Bahru. Program sedemikian diadakan bertujuan mempererat dan memperkukuh hubungan mesra antara warga MBJB dan masyarakat setempat.

Teks Oleh : Mohd Syazwan bin Abdul Rauf

Program Agihan Bubur Lambuk 'Drive-Thru'

7 JUN 2018 – Program agihan bubur lambuk 'drive-thru' kepada orang awam ini pertama kali diadakan dengan anggaran edaran sebanyak 3,000 pek bubur lambuk. Agihan bubur lambuk ini bermula jam 2.00 petang melibatkan Datuk Bandar, ketua-ketua jabatan dan anggota Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan sebelum aktiviti tersebut berakhir pada jam 4.30 petang.



Program Masak dan Kacau Dodol

9 JUN 2018 – Program memasak dan mengacau dodol yang julung kali diadakan ini bermula jam 5 petang di perkarangan bangunan Dataran Bandaraya sehingga jam 12 tengah malam. Seramai 80 anggota MBJB mengambil bahagian dalam aktiviti santai ini yang secara tidak langsung mempererat hubungan mesra antara anggota.



Program Agihan Dodol 'Drive-Thru'

10 JUN 2018 – Agihan dodol secara 'drive-thru' kepada orang awam dilakukan bermula jam 2.00 petang. Sambutan luar biasa oleh orang awam telah diterima sehingga dodol habis diedar dalam tempoh 1 jam sahaja. Dianggarkan sejumlah 3,000 pek dodol berjaya diedar kepada orang awam.



“Statistik menunjukkan bahawa jumlah kemalangan maut dan kematian yang direkodkan dalam tempoh ops selamat telah menurun. Kita mengharapkan penurunan jumlah kemalangan dapat diteruskan lagi pada tempoh ops selamat kali ini”

**Haji Amran bin A. Rahman,
Datuk Bandar Johor Bahru**

KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA & OPS BERSEPADU SEMPERA HARI RAYA AIDILFITRI

**Didik sifat berhemah pengguna jalan raya
dengan cogan ‘pandu cermat, sampai selamat’**

Teks Oleh : Sarwan bin Sirkam

12 JUN 2018 – Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) Negeri Johor dengan kerjasama Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya dan Ops Bersepadu sempena perayaan Hari Raya Aidilfitri peringkat negeri Johor bertempat di hadapan bangunan utama MBJB. Program ini merupakan salah satu usaha memupuk kesedaran tentang keselamatan jalan raya terutamanya dalam kalangan pemandu kereta dan motosikal. Pelancaran kempen ini telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.

Menerusi kempen ini, sebanyak 20 segitiga keselamatan untuk pemandu kereta dan 20 topi keledar kanak-kanak bagi pembonceng diedarkan kepada pengguna jalan raya yang melalui kawasan hadapan bangunan MBJB. Bersempena kempen ini juga, sebanyak 30 buah hamper dan 200 *goodies bag* yang mengandungi risalah keselamatan jalan raya dan cenderahati turut diagihkan kepada pengguna jalan raya.

Bagi tujuan keberkesanan kempen, beberapa agensi kerajaan dan swasta turut terlibat menjayakan kempen dan ops bersepadu ini antaranya Pejabat Pembangunan Persekutuan

Negeri Johor (PPPJ), Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Negeri Johor, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Negeri Johor, PERKESO Negeri Johor, Plus Expressway Berhad (Seksyen 5), Shell Malaysia Trading Sdn. Bhd. Negeri Johor, Southern Lion Sdn. Bhd. Johor Bahru dan ramai lagi.

Penganjuran kempen keselamatan jalan raya ini diharapkan mampu memberi impak yang besar dalam usaha memupuk dan menyemai sikap pemanduan berhemah di samping memberikan mesej dan panduan pemanduan yang selamat terutamanya kepada pengguna jalan raya yang pulang bercuti panjang ke kampung halaman sempena perayaan Aidilfitri kali ini.



PROGRAM AHLI MAJLIS



**Gotong-royong & Mesra Rakyat
Zon Kempas di PPR Kempas
Tarikh: 7 April 2018**



**Perasmian Taman Rekreasi &
Pusat Komuniti Zon Kebun Teh
di Taman Majidee
Tarikh: 7 April 2018**



**Program Mesra Rakyat Zon
Johor Jaya di Taman Johor Jaya
Tarikh: 7 April 2018**



**Program Mesra Rakyat Zon
Larkin di Jalan Upaya Larkin
Tarikh: 8 April 2018**



**Program Mesra Rakyat Zon
Johor Jaya di Dewan Johor Jaya
Tarikh: 8 April 2018**



**Ceramah Israk Mikraj Zon Larkin
di Masjid Dato' Onn
Tarikh: 13 April 2018**



**Majlis Ramah Mesra dan
Perasmian Dataran PPMKP Zon
Kebun Teh di Taman Melodies
Tarikh: 14 April 2018**

AM ZON LIS & LA21



Makan Malam Muafakat Johor
Zon Bandar Baru Uda di SMK
Tasek Utara
Tarikh: 14 April 2018



Program Komuniti Sihat dan
Cergas di Kg. Desa Rahmat
Zon Tampoi
Tarikh: 21 April 2018



'Fun Walk' Zon Kg. Melayu
di Giant X-tra, Taman Suria
Tarikh: 22 April 2018



Program Rakan Muafakat Taman
dan Komuniti Muafakat Zon
Tampoi di Kg. Pasir & Kg. Sri Jaya
Tarikh: 22 April 2018



Program Larian 'Lips Run' Zon
Bandar Baru Uda
Tarikh: 5 Mei 2018



Program Free Market Zon Desa
Jaya di Dewan Muafakat Desa Jaya
Tarikh: 6 Mei 2018



Program Mini Karnival Kg. Melayu
di Medan Niaga Kg. Melayu
Tarikh: 6 Mei 2018



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN, ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & SANJUNGAN BUDI

Teks Oleh : Nur Afiqah binti Mohd Rashid

28 JUN 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan, Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Sanjungan Budi bertempat di Dewan Muafakat Johor, Taman Adda, Johor Bahru. Majlis ini diadakan bertujuan meraikan dan menyampaikan anugerah kepada sejumlah 189 orang warga kerja MBJB yang telah berkhidmat dengan cemerlang sepanjang tahun 2017 menerusi pelbagai kategori yang disediakan.

Seramai 115 orang warga kerja MBJB dari pelbagai jabatan dan jawatan telah menerima APC berdasarkan prestasi cemerlang pada tahun 2017. Sementara itu, seramai 33 orang warga kerja MBJB yang telah berkhidmat selama 25 tahun secara tetap di MBJB turut diberikan penganugerahan Anugerah Khidmat Bakti serta tidak lupa juga kepada penerima hadiah persaraan yang berjumlah 35 orang buat pesara dan bakal pesara bagi tahun 2018 ini. Kesemua hadiah penghargaan dan sijil telah disampaikan oleh YBhg. Tn. Hj. Amran bin A. Rahman, Datuk Bandar Johor Bahru.



Pada majlis itu juga, Datuk Bandar Johor Bahru turut berbesar hati menyampaikan Anugerah Pekerja Ikon kepada tiga orang warga kerja dalam Kumpulan Pelaksana iaitu Mohd Fadzil bin Md Yusof (Jabatan Landskap), Mohd Fairus bin Mohd Daniel (Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan) dan Zuraidah bte Abdul Rahim (Jabatan Khidmat Pengurusan). Bagi kategori Anugerah Khas Datuk Bandar pula, anugerah diberikan kepada tiga orang warga kerja dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional iaitu Tn. Hj. Sulaiman bin Mohamad Taib (Jabatan Kejuruteraan), Lar. Mustika Ally binti Zulkifli (Jabatan Landskap) dan Mohamad Rusydi bin Md Dean (Jabatan Pelesenan).

Program bermula dengan nyanyian lagu-lagu rasmi perhimpunan MBBJ diikuti dengan ucapan wakil barisan Ahli Majlis dan mantan Ahli Majlis, Tn. Hj. Abu Talib bin Alias, ucapan Tn. Hj. Sidek bin Paiman, Setiausaha MBBJ dan penyampaian amanat daripada Datuk Bandar Johor Bahru. Penganjuran program tersebut adalah yang terakhir bersama Tn. Hj. Sidek dan barisan Ahli Majlis MBBJ. Tn. Hj. Sidek akan berkhidmat sebagai Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Integriti Kepimpinan dan Latihan Semangat Dato' Onn (IKLAS) bermula 1 Julai 2018.

Tahniah, syabas dan jutaan terima kasih diucapkan kepada semua penerima anugerah dan warga kerja yang setia dan berdedikasi dalam usaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada MBBJ selama ini.



Tahniah!



Program Bermotosikal
PDRM 'Riders Nite
- We Care You' di
Dataran Bandaraya
Tarikh: 7 April 2018



Perasmian Dewan Muafakat & Pengundian
Marris di Dewan Muafakat Taman Adda
Tarikh: 12 April 2018



Perasmian Jambatan Seri
Austin & Sambutan Hari Bumi
di Taman Sri Austin
Tarikh: 14 April 2018



Gotong - Royong Kelab
Keselamatan MBBJ di
Kg. Senibong
Tarikh: 20 April 2018



Program 'Walkabout'
Parlimen Pulai ke Bandar
Raya Johor Bahru
Tarikh: 15 April 2018





Perasmian Taska Muafakat YBJB
Tarikh: 22 April 2018



Penyampaian Hari Raya
YBJB Parlimen Tebrau di
PPRT Desa Mutiara
Tarikh: 10 Jun 2018



Kunjungan Hormat Ahli
Parlimen Johor Bahru ke
Pejabat Datuk Bandar
Tarikh: 11 Jun 2018

Mesyuarat Koperasi
Anggota MBBJ
Tarikh: 27 Jun 2018





MBJB Anjur

Teks Oleh : Nurfarahin binti Haron

KEJOHANAN CATUR REMAJA



30 JUN 2018 – Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Persatuan Catur Daerah Johor Bahru telah menganjurkan Kejohanan Catur Remaja bertempat di Atrium, Bangunan JOTIC, Jalan Ayer Molek Johor Bahru dari jam 8.00 pagi hingga 7.00 petang. Penganjuran program ini bertujuan mencungkil bakat-bakat baharu dalam aktiviti sukan ringan yang memberi manfaat, di samping memupuk semangat kesukanan dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan peserta.

Kejohanan catur ini terbuka kepada individu remaja berusia bawah 17 tahun dan 12 tahun dan mewakili sekolah-sekolah di sekitar bandar raya Johor Bahru. Pengadil dan wakil teknikal yang bertauliah dilantik oleh urus setia untuk mengadili para peserta sepanjang berlangsungnya kejohanan ini.

Yuran penyertaan dikenakan kepada para peserta sebanyak RM 20.00 bagi peserta bawah usia 17 tahun manakala RM 18.00 bagi peserta bawah usia 12 tahun. Pemenang bertuah bagi kedua-dua kategori dipilih dari tempat pertama hingga kesepuluh dan masing-masing membawa pulang hadiah berupa wang tunai (keseluruhan wang tunai berjumlah RM 1,400.00), piala, medal dan sijil penyertaan. Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Encik Mohamad Khairulanuar bin Esa, Pengarah Pembangunan Kemasyarakatan MBJB.



GIMNASIUM MUAFAKAT MBBJ

Program Zumba MBBJ Di Taman Merdeka (Setiap Rabu) 6.00 ptg - 7.00 ptg

GIMNASIUM TAMAN MERDEKA & DATARAN BANDARAYA JOHOR BAHRU

JADUAL PENGGUNAAN :

HARI	MASA	HARI	MASA
ISININ & SELASA	cuti	JUMAAT	7.30 pagi - 10.00 pagi 4.00 ptg - 7.00 malam
RABU	7.30 pagi - 10.00 pagi 4.00 ptg - 7.00 malam	SABTU	7.30 pagi - 10.00 pagi 4.00 ptg - 7.00 malam
KHAMIS	4.00 ptg - 7.00 malam	AHAD	7.30 pagi - 10.00 pagi 4.00 ptg - 7.00 malam

JADUAL BERTUGAS JURULATIH :

HARI	MASA
JUMAAT	7.30 pagi - 10.00 pagi 4.00 ptg - 7.00 malam
SABTU	7.30 pagi - 10.00 pagi 4.00 ptg - 7.00 malam
AHAD	7.30 pagi - 10.00 pagi 4.00 ptg - 7.00 malam

YURAN PENGGUNAAN GIMNASIUM : AWAM : RM 3.00 / sesi



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

“ SAYA TELAH MENJELASKAN CUKAI HARTA, ANDA BILA LAGI ? ”

JANUARI - FEBRUARI TEMPOH BAYARAN TANPA CAJ KELEWATAN

BAYARAN ATAS TALIAN DI SALURAN :

*Perbankan Atas Talian Hanya Bayaran Bil Cukai Harta

JomPAY Biller Code: 4317
Ref-1: No Akaun
Ref-2: No Bil

POS MALAYSIA **ISN** **OP** **UOB** **BANKRAK YAT**

citibank **HSBC** **CIMB** **ekhidmat.my** **onlinepayment.johor.gov.my**

JomPAY online di Perbankan Internet dan Telefon Mudah Alih dengan akaun semasa, simpanan atau kad kredit

**JADUAL WAKTU OPERASI
MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU**

PEJABAT UTAMA MBBJ & JOTIC

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TGH - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -219 8000

KAUNTER SETEMPAT MBBJ

HARI	JAM
AHAD –RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompau MBBJ)

HARI	JAM
AHAD – RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TGH
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07 -386 1535

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

(Bagi Urusan Semakan dan Bayaran Cukai Harta & Kompau MBBJ, Pembaharuan Lesen Iklan, Perniagaan & Penjaja, Permohonan Pindah Milik (Borang I), Bayaran Sewa Gerai, Semakan & Permohonan Sewaan Dewan, Jualan Kupon Letak Kereta/ 'Parking Coupon' dan Aduan Awam)

HARI	JAM
AHAD –RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-357 3314

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompau MBBJ)

HARI	JAM
SETIAP HARI	8.30 PAGI – 9.30 MALAM
WAKTU REHAT	7.00 MALAM - 8.00 MALAM (SABTU - KHAMIS) & 12.15 TGH - 2.45 PETANG (JUMAAT)
KELEPASAN AM	TUTUP
NO. TELEFON	07-351 1503

KAUNTER BERGERAK (e-NOBAS)

(Bagi Urusan Semakan & Bayaran Cukai Harta dan Kompau MBBJ)

SILA LAYARI LAMAN WEB MBBJ (www.mbjb.gov.my) UNTUK JADUAL PERKHIDMATAN TERKINI	
NO. TEL. WAKTU PEJABAT	07 –219 8077
NO. TEL. WAKTU URUSAN KAUNTER BERGERAK	019 -720 3290

**MISI
PERKHIDMATAN
PELANGGAN MBBJ**

Memberikan
Perkhidmatan Pelanggan
Yang Efisien dan Mesra
Kepada Pelanggan

**WAKTU OPERASI
KAUNTER PANDU BAYAR**
(Bayaran Cukai Harta & Kompau MBBJ Sahaja)

**MAC, APR, MEI, JUN,
SEPT, OKT, NOV & DIS**

DIBUKA PADA AHAD SAHAJA	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
----------------------------	-------------------------

TUTUP : ISNIN HINGGA SABTU & CUTI UMUM

Tel : 07-219 8008
(Bahagian Hasil, Jabatan Kewangan MBBJ)



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
PETI SURAT 232, JALAN DATO' ONN,
80720 JOHOR BAHRU, JOHOR

TALIAN AM: 07-219 8000
FAKSIMILE: 07-223 0619
TALIAN BEBAS TOL: 1-300-88-0146
WHATSAPP ADUAN: 019-778 8212
LAMAN WEB: www.mbjb.gov.my
LAMAN SISPA: mbjb.spab.gov.my
E-MEL: info@mbjb.gov.my

ISSN 2462-1536



9 772462 153006